

# MEMBENTUK POTENSI DAN JATI DIRI REMAJA

Oleh **AMINUDDIN MANSOR**

**ALAM** remaja merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai. Remaja sangat perlu ibangunkan jiwanya, dipelihara ehormatan dan dimajukan otensinya. Bukan itu sahaja, ereka amat perlu dipimpin agar erkeupayaan mengemudi kehidupan engan baik dan sempurna.

Keunggulan dan kemuliaan jati iri remaja menjadi faktor kepada eunggulan akal budi sesuatu bangsa ada masa hadapan. Pelajar dan emaja yang berilmu juga dapat emberikan sumbangan kepada embangunan negara pada masa adapan.

Selaras dengan falsafah an pendidikan di Malaysia yang erteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bertujuan untuk melahirkan insan yang baik dan sempurna supaya menjadi warganegara Malaysia yang baik dan dapat membela agama, bangsa dan tanah air.

Matlamat FPK bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sempurna dan memiliki ciri-ciri kepercayaan dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara. Di samping itu, FPK bermatlamat untuk melahirkan insan yang memiliki sahsiah yang seimbang serta memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Sehubungan itu, remaja yang dapat diibaratkan sebagai "rebung" perlu dilenturkan sebelum menjadi "buluh" yang bertepatan dengan peribahasa Melayu "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Oleh itu, anak-anak perlu dididik sejak mereka masih kecil lagi. Oleh sebab itu, mereka memerlukan lenturan yang baik dan berhati-hati, sama ada berbentuk didikan formal atau pengalaman hidup yang mendewasakan mereka.

Selain ilmu pengetahuan dan kemahiran, pelajar dan remaja perlu diasuh akal budi, pekerti dan jiwanya dengan nilai murni. Di samping itu, mereka juga seharusnya tidak ketinggalan dalam arus pemodenan dan era globalisasi yang memerlukan ilmu dan kemahiran yang tinggi.

Oleh itu, pendidikan di sekolah rendah dari tahun satu hingga tahun



Kejayaan remaja biasanya diukur daripada pencapaian cemerlang dalam akademik dan pelajaran serta berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara akhirnya mendapat pekerjaan yang baik di sisi masyarakat.

enam iaitu mereka yang berusia tujuh hingga 12 tahun memerlukan pendidikan asas yang penting membabitkan kebolehan dalam membaca, menulis dan mengira (3M) yang harus dikuasai sepenuhnya pada peringkat ini.

Golongan pelajar tingkatan satu hingga lima iaitu remaja yang berusia 13 hingga 17 tahun merupakan aset terpenting negara bagi menjadikan mereka golongan yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Kerajaan menyedari hal ini dan pelbagai insentif diberikan kepada mereka. Selain bantuan RM100 untuk pembelian pakaian, buku latihan dan peralatan sekolah pelbagai bantuan lain telah dilaksanakan seperti persekolahan percuma dan pemberian komputer riba.

Selain berkemahiran dalam bidang teknologi maklumat (IT). Ibu bapa juga tidak harus mengabaikan pendidikan akal budi, akhlak dan keimanan anak-anak di rumah. Keseimbangan pendidikan ini penting dilakukan sama ada di rumah dan di sekolah bagi membentuk anak yang pintar dan cerdik malah mempunyai akhlak yang terpuji.

Kecemerlangan remaja mestilah dibangunkan melalui perancangan sumber manusia yang rapi dan terkawal. Setiap pelajar dan juga remaja mestilah diberikan bimbingan dan panduan, selain ilmu pengetahuan untuk menjelmakan kecemerlangan.

Remaja juga seharusnya memahami potensi diri, keperluan diri sendiri dalam menghadapi dunia yang serba mencabar. Matlamat akhir setiap pelajar dan remaja dapat melepasi alam remaja dengan jayanya. Keseimbangan dalam pencapaian akademik dan juga akhlak adalah kejayaan dalam kehidupan yang sempurna.

Nabi Muhamad SAW pernah berpesan yang bermaksud, "Apa-apa yang dikatakan kaya itu bukanlah kerana banyak harta tetapi kekayaan sebenar adalah kekayaan jiwa." (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kejayaan remaja biasanya diukur daripada pencapaian cemerlang dalam akademik dan pelajaran serta berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara akhirnya mendapat pekerjaan yang baik di sisi masyarakat. Namun begitu, perlu diingat bahawa kekayaan akal budi, akhlak, nilai murni juga adalah penyumbang kepada kekayaan jiwa seseorang remaja.

Pendidikan yang seimbang dapat melahirkan rakyat yang progresif, ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh. Selain itu, pendidikan yang seimbang dapat melahirkan rakyat yang cekap, berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang yang boleh memenuhi kewajipan sebagai warganegara Malaysia. DS

Kecemerlangan remaja mestilah dibangunkan melalui perancangan sumber manusia yang rapi dan terkawal.

